

09 MAR 1999

Mahathir-Litar

LITAR F-1 SEPANG PELUANG HEBAT BAGI M'SIA, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Litar Antarabangsa Sepang akan melengkapkan industri automotif yang pesat membangun di Malaysia selain menjadi pusat bagi kemajuan sukan bermotor di negara ini dan rantau ini.

Perdana Menteri berkata memandangkan penyelidikan dan pembangunan merupakan bahagian penting daripada industri automotif, perlumbaan dan litar itu boleh menjadi pusat bagi tujuan itu.

Beliau berkata litar itu yang mulai sekarang akan dikenali sebagai Litar F-1 Sepang, akan juga melengkapi pembangunan kawasan Sepang yang sudahpun berbangga dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL, pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan Putrajaya dan bandar raya pintar pertama negara, Cyberjaya.

"Saya tahu sesetengah pihak akan mempersoalkan kewajaran di sebalik pembinaan kemudahan perlumbaan seumpama ini pada masa seperti sekarang, tetapi jika mereka menimbangkan faedah yang akan kita perolehi, mereka akan sedar betapa hebatnya peluang ini," kata beliau ketika merasmikan litar berharga RM286 juta itu di sini.

Beliau berkata tidak seperti sesetengah negara lain, Malaysia mempunyai iklim yang sentiasa panas, dan keadaan itu sesuai untuk menjalankan ujian bagi pelbagai jenis enjin dan ketahanan pemandu.

Dr Mahathir juga berkata adalah lebih menjimatkan bagi pasukan-pasukan luar negara untuk berpangkalan di sini.

Beliau berkata perhatian daripada kira-kira dua bilion orang di lebih 200 negara akan tertumpu ke Malaysia apabila negara menjadi tuan rumah perlumbaan Formula Satu (F-1) pada bulan Oktober nanti.

"Bagi tempoh satu-setengah jam penuh, semua mata akan tertumpu ke negara kita. Jika kita kira kos periklanan selama satu minit melalui television dan kalikan dengan 90, kita akan mendapat gambaran nilai pengiklanan yang diberikan oleh litar ini kepada kita.

"Dan daripada dua bilion orang yang menyaksikan acara itu secara langsung, terdapat sebilangan besar yang berkeinginan untuk melawat negara kita. Ini sudah tentu akan menggalakkan perkembangan bidang pelancongan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata perlumbaan F-1 itu akan sekali lagi mempamerkan kemampuan Malaysia dalam penganjuran acara sukan bertaraf dunia, yang juga termasuk kejayaan menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 pada tahun lepas.

Dr Mahathir berkata Litar F-1 Sepang merupakan satu lagi contoh kemampuan negara untuk membina kemudahan sukan bertaraf dunia. Beliau juga diberitahu bahawa litar itu telah menetapkan standard bagi litar-litar yang akan dibina pada masa akan datang di dunia.

"Inilah sebabnya Litar Sepang ini telah diberi keistimewaan untuk menggunakan logo rasmi Formula Satu dalam namanya," kata beliau.

Ini merupakan satu penghormatan besar kepada Malaysia memandangkan tidak ada litar lain di dunia yang telah diberikan keistimewaan itu, katanya.

Untuk itu, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Formula One Administration Limited, Bernie Ecclestone.

Dr Mahathir juga berkata rakyat Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan negara membina litar itu dalam masa 15 bulan sahaja, yang merupakan satu rekod.

"Rakyat Malaysia bersikap praktikal dengan impian mereka. Mereka

mengimpikan untuk menganjurkan perlumbaan Formula Satu di Malaysia. Mereka tidak terus tidur dan bermimpi.

"Sebaliknya dengan sikap mereka yang selalu pragmatik, mereka merancang dan membina litar ini, malah ia dilakukan ketika mereka masih berunding untuk membawa perlumbaan itu ke sini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sentiasa diberitahu tentang kemajuan dalam pembinaan litar itu yang mungkin menelan belanja yang lebih besar jika ia dirancang dan dibina selepas nilai ringgit turun.

-- BERNAMA
MAM ZMA NMO